

Pelajar Sekolah Pertanian Lestari jadi anak angkat Kg Ranpek

UB 19.4.2013 415

SANDAKAN: Seramai 29 pelajar Sekolah Pertanian Lestari (SPL) Kampus Sandakan menyertai program keluarga angkat di Kampung Ranpek, Bayu Permai, Beluran pada 8 hingga 11 April lalu.

Program itu dianjurkan Persatuan Mahasiswa Sekolah Pertanian Lestari (PMSPPL) bersama penduduk Kampung Ranpek, Bayu Permai, Beluran yang disertai pelajar dari Johor, Penang, Negeri Sembilan, Kelantan, Selangor di samping dari Sabah dan Sarawak.

Majlis perasmian pembukaan Program Keluarga Angkat (Peka) 2013 itu disempurnakan oleh penyandang kerusi Parlimen Beluran, Datuk Ronald Kiandee dengan simbolik perasmian menanam anak pokok manggis di hadapan Dewan Serbaguna Kampung Ranpek Bayu Permai dan penyerahan barang-barang dapur dan beras kepada 17 keluarga angkat.

Beliau menyarankan supaya aktiviti seperti itu dapat diperbanyak kerana ia mampu menjadi wadah kepada proses integrasi nasional serta diperluaskan ke kawasan pedalaman seperti Paitan dan Sugut serta Pulau Keniogan dan Pulau Jambongan.

Pengerusi JKPK Ranpek Bayu Permai, Jasmin Badin menyatakan rasa terharu dan berterimakasih kepada pihak UMS yang telah memilih kampung itu sebagai lokasi mengadakan Program Anak Angkat bagi 2013.

"Program ini sangat signifikan kerana ia mampu mendekatkan mahasiswa yang akan menjadi pemimpin masa depan negara dengan masyarakat kampung," katanya.

Katanya, ia sangat berguna untuk membantu mereka apabila berada di alam pekerjaan terutama dalam merangka dasar-dasar utama negara dan Sabah.

Semasa menyerahkan anak angkat kepada keluarga angkat, Pengetua Kolej SPL, Dr Abd Rahim Awang



RONALD (kiri) menyampaikan bantuan kepada keluarga angkat penduduk kampung.

menasihatkan mahasiswa supaya dapat menyesuaikan diridengan keluarga masing-masing.

Beliau berkata, peluang itu harus digunakan sebaik-baiknya untuk menimba pengalaman mempelajari kehidupan sebenar masyarakat di negeri Sabah.

Turut hadir ialah Penolong Pegawai Daerah Beluran, Roger Appolonius, Timbalan Dekan Akademik dan HEP, Dr Suzan Benedick, Penyelaras Peka 2013, Dr Bonaventure Boniface, Ketua Program Pengeluaran Ternakan, Prof Madya Dr Azwan Awang dan Dr Ha Hou Chew.

Majlis perasmian penutupan Peka 2013 pula disempurnakan oleh Dr Siti Raehanah Mohamad Shaleh, Dekan Sekolah Pertanian Lestari.

Dalam ucapannya, beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pemimpin dan penduduk Kampung Ranpek Bayu Permai kerana telah menjayakan program ini yang berlangsung selama empat hari tiga malam.

Beliau yakin melalui program itu mahasiswa dapat mempelajari budaya dan cara hidup penduduk dari pelbagai etnik dan agama.

Program itu juga telah melakar sejarah kerana

ia pertama kali diadakan oleh Sekolah Pertanian Lestari, UMS di dalam daerah Sandakan.

Program keluarga angkat merupakan usaha untuk memberi kesedaran sosial kepada mahasiswa supaya dapat menanam dan mengamalkan semangat perpaduan, pemuaafakan dan berinteraksi dengan masyarakat sekeling.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah lawatan ke wad pesakit di Hospital Beluran, aktiviti gotong-royong bersama penduduk

kampung, ceramah motivasi kepada pelajar Tingkatan 6 SMK Beluran, kempen derma darah dan sukaneka.

Melalui program sebegini juga usaha untuk membina tenaga kerja yang berkualiti dari segi sikap dan nilai-nilai murni akan dapat diwujudkan.

Kesedaran berkaitan tanggungjawab kepada masyarakat akan menyedarkan mereka untuk tidak sahaja mengejar kepada pembangunan semata-mata tetapi juga perlu menerapkan nilai-nilai



ANAK angkat menyertai gotong-royong di Kampung Ranpek Beluran.

murni terutama amanah, jujur dan bermuafakat yang sentiasa menjadi amalan penduduk desa.

Tambahan pula, penglibatan pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara kaum sekaligus menyahut saranan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk memupuk semangat 1Malaysia.

Selain itu, ia telah


meningkatkan kesedaran tentang pentingnya perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan pelajar UMS.

Sejajar dengan itu, pengajuran Peka 2013

banyak memberi impak yang positif kepada warga UMS. Mereka bukan sahaja dapat menimba pengalaman manis bersama keluarga angkat tetapi dapat berbakti kepada penduduk setempat.



PELAJAR Sekolah Pertanian Lestari melawat pesakit di Hospital Beluran.



MAJLIS perasmian program anak angkat dimulakan dengan penanaman pokok oleh Ronald.